



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 38/2010 (19 hingga 25 September 2010)

Sejumlah 973 kes Demam Denggi dengan 5 kematian telah dilaporkan bagi tempoh 19 hingga 25 September 2010, peningkatan sebanyak 170 kes atau 21% berbanding 803 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah ini adalah 635 atau 188% lebih tinggi berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sama tahun 2009 iaitu 338 kes. Sembilan (9) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas iaitu Selangor meningkat 92 kes, Johor 30 kes, Melaka 16 kes, Pahang 15 kes, WP Kuala Lumpur/Putrajaya dan Perak masing-masing 14 kes, Sarawak 10 kes, Terengganu 9 kes, manakala N.Sembilan meningkat sebanyak 1 kes.

Jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 25 September 2010 ialah sebanyak 36,506 kes iaitu peningkatan kes sebanyak 16% atau 5,083 kes berbanding dengan 31,423 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 58% atau 41 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 112 kematian berbanding 71 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Pada minggu lepas, terdapat lima (5) kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu dua dari Kelantan dan masing-masing satu dari

P.Pinang, WP Kuala Lumpur dan Johor. Dua (2) daripada kes kematian ini berlaku di kawasan wabak dan selebihnya merupakan kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi. Berikut adalah maklumat mengenai kes-kes kematian tersebut.

Kes pertama: melibatkan seorang surirumah berumur 30 tahun yang sedang mengandung dan berasal dari Ulu Klang, Selangor. Pesakit yang mula demam pada 14 September 2010, telah mendapatkan rawatan sebanyak tiga (3) kali di 2 buah klinik kerajaan serta swasta pada 15, 17 dan 18 September. Pada 18 September, pesakit telah dirujuk ke Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Kelantan dan dimasukkan ke wad kerana mengalami *Dengue Shock Syndrome with Respiratory Distress*. Keesokan harinya, iaitu pada 19 September 2010, pesakit meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Hasil pemeriksaan mendapati kawasan kediaman pesakit mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu AI 7.14%. Terdapat dua (2) dari 18 bekas yang diperiksa mempunyai pembiakan jentik-jentik Aedes yang dijumpai di rumah pesakit iaitu di tong cat terpakai dan *canvas*. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di kesemua 16 buah rumah di sekitar kediaman pesakit, tetapi aktiviti gotong-royong tidak dilaksanakan walaupun kawasan tersebut mempunyai banyak tempat pembiakan nyamuk Aedes. Jawatankuasa Penduduk perlu mengambil berat mengenai aktiviti gotong-royong di kawasan itu.

Kes kedua: melibatkan seorang wanita berumur 36 tahun dari Setapak, Kuala Lumpur. Pesakit yang mula mengalami demam pada 7 September, telah mendapatkan rawatan pertama di sebuah hospital swasta pada 11 September 2010 dan dimasukkan ke wad kerana didiagnosa sebagai Demam Denggi. Tiga (3) hari kemudian iaitu pada 13 September, pesakit telah dirujuk serta dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Hospital Sg.Buloh

untuk diberikan rawatan lanjutan. Setelah berada selama tujuh (7) hari di hospital tersebut, pesakit meninggal dunia pada 20 September 2010 dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome with Massive Intracranial Bleeding*. Pemeriksaan yang dijalankan di kawasan kediaman pesakit yang juga merupakan lokaliti wabak mendapati kadar pembiakan Aedes adalah sangat tinggi iaitu CI 31% di mana terdapat 24 daripada 70 bekas yang diperiksa mempunyai pembiakan Aedes. Masyarakat di kawasan tersebut yang prihatin tentang kebersihan telah mengadakan aktiviti gotong-royong pada 23 September 2010 bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes.

Kes ketiga: melibatkan seorang surirumah berumur 36 tahun dari Senai, Johor. Pesakit mula mengalami demam pada 16 September dan mendapatkan rawatan pertama di sebuah klinik swasta pada 17 September 2010. Empat (4) hari kemudian iaitu pada 21 September 2010, pesakit telah dimasukkan ke wad Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dengan diagnosa *Dengue Shock Syndrome*, setelah mengadu demam berterusan, sukar bernafas, ruam, muntah dan keletihan. Pesakit meninggal dunia keesokan harinya iaitu pada 22 September 2010 dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Kerjasama penduduk setempat dalam menjalankan gotong-royong di kawasan ini amatlah diperlukan kerana hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak KKM mendapati kadar pembiakan sangat tinggi iaitu AI 4.3% di mana terdapat 18 daripada 40 bekas yang diperiksa mempunyai pembiakan Aedes. Walaupun aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dilakukan di kesemua 167 buah rumah di kawasan kediaman pesakit, masyarakat harus sedar bahawa semburan racun serangga semata-mata oleh Jabatan Kesihatan tidak akan berkesan kerana nyamuk dewasa baru akan muncul selepas semburan selagi tempat-tempat pembiakan Aedes masih wujud.

Kes keempat: melibatkan seorang lelaki berumur 50 tahun dari Kota Bharu, Kelantan yang bertugas sebagai guru di sebuah sekolah menengah di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Kawasan kediaman pesakit merupakan lokaliti wabak tidak terkawal yang sehingga kini telah melaporkan sebanyak 7 kes. Pesakit yang mula demam pada 9 September, telah mendapatkan rawatan sebanyak 3 kali berturut-turut iaitu di Hospital Machang serta di sebuah klinik dan hospital swasta pada 10, 11 dan 13 September sebelum dirujuk ke Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian setelah didiagnosa sebagai Demam Denggi. Setelah berada selama sembilan (9) hari di hospital tersebut iaitu pada 22 September, pesakit meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome with multi-organ failure*. Terdapat banyak bekas bertakung yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes telah ditemui di sekitar kawasan rumah pesakit. Bagi mengatasi masalah ini, penduduk setempat telah mengambil inisiatif dengan mengadakan gotong-royong pada 18 September dan aktiviti semburan kabus oleh pihak KKM juga telah dilakukan pada 21 September di hampir keseluruhan 167 buah rumah di kawasan tersebut.

Kes kelima: melibatkan seorang surirumah berumur 27 tahun yang sedang mengandung dari Georgetown, Pulau Pinang. Pesakit yang mula mengalami demam pada 13 September telah mendapatkan rawatan sebanyak dua kali iaitu pada 15 dan 17 September di Klinik Kesihatan Jalan Perak dan sebuah klinik swasta. Pesakit yang masih lagi mengalami demam telah dibawa oleh suaminya untuk mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang pada 19 September dan dimasukkan ke wad bersalin pada hari yang sama dengan diagnosa Demam Denggi Berdarah dan kemudiannya dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) setelah keadaan bertambah kritikal. Pesakit meninggal dunia empat hari kemudian iaitu pada 23 September 2010 dengan sebab kematian *Dengue*

Shock Syndrome. Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati terdapat 6 bekas daripada 258 bekas yang diperiksa mempunyai pembiakan Aedes dan tindakan pemusnahan telah dilakukan. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan dengan peratus liputan sebanyak 83% daripada 314 rumah.

Sejumlah 206 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 34 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 457 kes Demam Denggi (Lampiran C) dan lokaliti hotspots ini masih melaporkan sebanyak 123 kes baru pada minggu tersebut. Tiga belas (13) atau 38% daripada lokaliti 34 *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran D) dan hanya 10 atau 29% lokaliti *hot spots* dilaporkan menjalankan aktiviti gotong-royong.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 19 hingga 25 September 2010, sejumlah satu (1) kes dilaporkan, penurunan sebanyak 2 kes berbanding pada minggu sebelumnya. Satu (1) kes yang dilaporkan tersebut adalah dari Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 777 kes, penurunan sebanyak 76% atau 2,408 kes berbanding dengan 3,185 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 September 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2010
(19 hingga 25 September 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 38/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 38/2009
		Minggu 38 (19 – 25 Sep 2010)	Minggu 37 (12 – 18 Sep 2010)		
1	Perlis	5	7	149	165
2	Kedah	14	14	599 (3)	624
3	P. Pinang	51 (1)	69 (1)	1,184 (5)	1,967
4	Perak	55	41	1,763 (5)	2,483 (1)
5	Selangor	242	150 (1)	13,750 (39)	15,393 (44)
6	WPKL & Putrajaya	53 (1)	39	3,426 (6)	2,948 (8)
7	N. Sembilan	10	9	1,378 (7)	697 (5)
8	Melaka	62	46	929 (10)	634 (3)
9	Johor	137 (1)	107	3,157 (10)	1,936 (3)
10	Pahang	31	16	1,111 (1)	679 (2)
11	Terengganu	47	38	854 (1)	751
12	Kelantan	163 (2)	169	2,863 (11)	886 (1)
13	Sarawak	66	56	3,567 (13)	1,445 (1)
14	Sabah	37	42	1,760 (1)	793 (3)
15	WP Labuan	0	0	16	22
	Jumlah	973 (5)	803 (2)	36,506 (112)	31,423 (71)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2010
(18 hingga 25 September 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 38/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 38/2009
		Minggu 38 (19 – 25 Sep 2010)	Minggu 37 (12 – 18 Sep 2010)		
1	Perlis	0	0	0	33
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	3	320
4	Perak	0	0	3	401
5	Selangor	0	0	26	418
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	93
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	7	154
10	Pahang	0	0	1	71
11	Terengganu	0	0	1	58
12	Kelantan	0	0	2	426
13	Sarawak	0	1	537	391
14	Sabah	1	2	186	5
15	WP Labuan	0	0	9	0
	MALAYSIA	1	3	777	3,185

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 38
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Bahagia	9	43
2	SELANGOR	MPS	Taman Rawang Perdana Fasa 5	7	43
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Shah Jaya	5	36
4	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves Z2	13	34
5	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	8	31
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Zamrud	5	30
7	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah	5	30
8	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	19	94
9	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	20	82
10	JOHOR	MBJB	Taman Munsyi Ibrahim Jln Dian	9	54
11	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	18	57
12	JOHOR	MBJBT	Taman Johor Jaya Jln Teratai	10	92
13	JOHOR	MPPG	Taman Mawar	10	46
14	JOHOR	MPPG	Taman Air Biru Jln Jati	4	36
15	JOHOR	MPJBT	Taman Putri wangsa Jln Beladau 33.43	6	31
16	JOHOR	MBJB	Apartment Sri Wangi	10	72
17	JOHOR	MPJBT	Taman Putri Wangsa Jln Badik	9	32
18	JOHOR	MPPG	Taman Scientex Jln Kijang	6	70
19	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Melaka Baru Fasa 1	16	53
20	MELAKA	Melaka Tengah	Kg. Lapan Tengker	29	53
21	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Kesidang Sek.1/Kg 8	23	38
22	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Kenanga Sek.1	25	43
23	SARAWAK	Sibu	Tuong Aik Shipyard,Sg Bidut	14	59

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
24	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis	10	52
25	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	4	31
26	WPKL	Kepong	Kepong Baru (Jln Bangau, Jln Kelicap, Jln Helang, Jln Bungur)	4	30
27	KELANTAN	Kota Bharu	Kg Kok Pasir	34	39
28	KELANTAN	Kota Bharu	Taman desa Kemumin	8	38
29	KELANTAN	Kota Bharu	Taman Guru	11	33
30	KELANTAN	Kota Bharu	Kuarters Penjara, Pengkalan Chepa.	4	30
31	TERENGGANU	K.Terengganu	Kg Simpang 4 Chendering	40	49
32	TERENGGANU	K.Terengganu	Flat Polis Padang Hiliran	16	37
33	P.PINANG	Timur Laut	Flat Hamna, Sg Dua	39	44
34	PERLIS	Kangar	Taman Singgahsana	7	35

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 38
BAGI TAHUN 2010
(19 hingga 25 September 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	JOHOR	MPJBT	Taman Putri Wangsa, Jln Badik	50.0	66
2	JOHOR	MPJBT	Taman Putri Wangsa, Jln Beladau 33.43	39.0	100
3	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	12.0	28
4	JOHOR	MPPG	Taman Air Biru Jln Jati	12.0	17
5	JOHOR	MBJB	Kg. Melayu Majidee	7.0	9
6	KELANTAN	KOTA BHARU	Taman Guru	6.9	7
7	JOHOR	MBJBT	Taman Johor Jaya Jln Teratai	5.3	6
8	SARAWAK	SIBU	Tuong Aik Shipyard, Sg. Bidut	5.0	5
9	WP KL	CHERAS	Desa Tasik Polis	5.0	5
10	JOHOR	MBJB	Taman Munsyi Ibrahim Jln Dian	4.4	5
11	JOHOR	MBJB	Tamqan Cempaka	3.0	4
12	KELANTAN	KOTA BHARU	Kuarters Penjara, Pengkalan Chepa	2.7	3
13	P. PINANG	TIMUR LAUT	Flat Hamna, Sg. Dua	1.7	2